

Sesi Perkongsian Pembelajaran Terbuka Secara Jarak Jauh (ODL)

DISEDIAKAN OLEH: NURUL IZZA HUSIN & SHARAF AHMAD

Serangan pandemik COVID-19 di Malaysia pada awal tahun 2020 telah menghadkan sesi Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) secara bersemuka. Situasi tersebut tentunya mencetuskan perubahan drastik terhadap Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta. Bagi memastikan sesi PdP berjalan, pihak UiTM telah mengambil keputusan untuk menjalankan sesi PdP secara Pembelajaran Terbuka secara jarak jauh (Open and Distance Learning, ODL). Para pensyarah diberi latihan dan taklimat secara atas talian bagi memastikan mereka bersedia dan mempunyai kemahiran sebelum sesi PdP secara ODL dilaksanakan. Di UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP), Unit e-Pembelajaran diberi tanggungjawab bagi memastikan semua pensyarah mahir menggunakan aplikasi atas talian yang dicadangkan. Beberapa siri kursus diadakan mengikut fakulti dan jabatan masing-masing.

Di peringkat Jabatan Sains Gunaan, sesi perkongsian telah dijalankan pada 30 Mac 2020 secara atas talian melalui sidang video Google Meet. Melalui sesi latihan ini, semua pensyarah JSG telah diperkenalkan dengan beberapa perisian serta aplikasi yang boleh digunakan sebagai persediaan untuk menjalankan PdP secara ODL. Antara aplikasi yang telah diperkenalkan adalah seperti Google Classroom, Microsoft teams, U-future, Screenomatic dan padlet. Rakaman sesi latihan juga dimuatkan di dalam google drive di mana para pensyarah boleh merujuk semula pada bila-bila masa.

Aplikasi-aplikasi yang diperkenalkan agak mudah dan para pensyarah kebanyakannya tidak mempunyai masalah menggunakan aplikasi-aplikasi tersebut. Malahan kursus ini telah berjaya membuka mata para pensyarah untuk menggunakan teknologi terkini semasa mengajar. Mereka tidak lagi terikat dengan cara tradisional iaitu hanya menggunakan papan putih sahaja ketika proses PdP berlaku.

Selain itu, para pensyarah juga berpendapat PdP secara ODL ini merupakan pengalaman menarik dimana dapat menimba ilmu baru berkenaan kaedah-kaedah serta aplikasi untuk pembangunan bahan pengajaran dan pengendalian atau penyampaian kelas atas talian. Aktiviti PdP juga dapat dijalankan secara lebih fleksible dan menarik.

E-learning Task Force

Sharing session
Jabatan Sains Gunaan

- Google Meet
- Zoom
- Ufuture (mooc , i-learn)
- Google Classroom
 - <https://classroom.google.com/u/1/h>
- Microsoft Team
 - Pensyarah – sign in (email uitm) contoh : abu@staf.uitm.edu.my
 - https://teams.microsoft.com/_lms/deeplink&lmsrc=homePageWeb&cmid=WebSignIn#/school//?ctx=teamsGrid
- Padlet
- Skype

Platform e-Learning

Pembangunan Bahan e-Learning

The screenshot shows the clipchamputilities interface. At the top, there are buttons for 'UPGRADE' and a user profile icon. Below is a large dashed box labeled 'Convert my video' with the sub-instruction 'Drop one or more videos to convert, edit or compress'. To the right is a red circular button labeled 'Make a Recording' with the sub-instruction 'Using your Webcam'. Below these are sections for 'My recent videos' and 'Suggestions for you', along with a 'clipchampcreate' button and a 'Need to edit a video?' link.

- Google Apps (Slides, Docs, Forms, etc)
- Video (Ready made YouTube videos / Own video)
 - Powtoon, Bitable, anime maker etc
 - Record during lecture / on screen (OBS studio)
 - Record our writing on paper
 - Record our writing digitally with screen recording (Screen record with ScreenCast-o-matic)